

14 MAR 2000

ASEAN-KEMUNCAK

KEMUNCAK PERNIAGAAN ASEAN AKAN `LIHAT SEMULA' KRISIS EKOOMI

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Pengajaran-pengajaran daripada krisis ekonomi tahun 1997 hingga 1998 dan cabaran-cabaran akan datang adalah antara tajuk-tajuk yang akan dilihat semula semasa Sidang Kemuncak Perniagaan Asean 2000, yang akan diadakan di sini pada 11-12 April.

"Kita perlu melihat semula beberapa pengajaran yang dipelajari daripada krisis itu dan menyambut sesetengah cabaran akan datang," kata pengerusi jawatan kuasa pengajur Datuk Paul Low, pada persidangan akhbar mengenai sidang kemuncak itu.

Sidang itu dianjurkan oleh Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian Asean (Asean-CCI).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan pembukaan pada sidang kemuncak itu yang dijangka dihadiri oleh kira-kira 500-600 peserta, kebanyakannya daripada negara-negara Asean, kata Low.

Sidang itu, yang juga terbuka kepada peserta-peserta daripada bahagian-bahagian lain dunia, diadakan sekali setiap dua tahun.

Low, yang juga timbalan pengerusi Exco Asean CCI, berkata, terdapat keperluan bagi memahami sesetengah pembaharuan yang terpaksa dilakukan dan mengenal pastinya, dan juga memahami peluang-peluang pengujudan kekayaan baru di bidang-bidang seperti ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara pengajaran-pengajaran yang dipelajari oleh sektor swasta Malaysia daripada krisis itu, kata Low, termasuk hakikat bahawa syarikat-syarikat, tanpa mengira saiz, perlu lebih berorientasi eksport seperti yang telah bergantung kepada pasaran tempatan dan mengeksport sedikit adalah yang paling teruk terjejas.

Tambahnya bahawa banyak syarikat tempatan juga mendapati bahawa mereka tidak bagus dalam pemasaran, satu aktiviti penting untuk memahami keperluan pelanggan-pelanggan secara langsung.

Di samping itu, terdapat keperluan membina pasaran-pasaran lain, terutamanya di Asia Timur, tidak sebaliknya bergantung semata-mata kepada pasaran Eroaph dan AS, katanya, sambil menambah bahawa perdagangan di kalangan Asia dan Asean adalah sesuatu yang akan dibincangkan.

Pada masa ini, terdapat bidang-bidang baru pertumbuhan di mana syarikat-syarikat terpaksa menceburi dan yang memerlukan input pengetahuan, tidak semestinya IT semata-mata.

Katanya pengetahuan perlu dimasukkan di dalam proses pembuatan dan cara kita berkerja, sambil menambah bahawa budaya itu terpaksa diubah ke arah berkongsi pengetahuan.

Beliau juga berkata syarikat-syarikat besar dan bersaiz sederhana perlu memasuki pasaran global kerana sesetengah negara memberikan keistimewaan tertentu yang mungkin tidak dinikmati di sini.

Sidang dua hari itu akan diikuti oleh Asean-CCI dan Forum Perniagaan Asean Russia pertama Tabung Kerjasama Russia-Asean berpangakalan di Moscow pada 13 April, kata Low, sambil menambah bahawa perwakilan Russia di forum itu akan mengandungi kira-kira 70-100 peserta.

Forum kedua itu bertujuan, antara lain, memberikan maklumat mengenai keadaan ekonomi semasa di Russia dan potensi pasarannya.

Sempena dengan sidang kemuncak dan forum itu, sesi Perangkaian Perkongsian Bijak dan pertunjukan katalog akan dijalankan serentak pada 11-13 April, bagi mempermudah pertemuan satu sama satu di kalangan

negara-negara dalam mencari bakal rakan kongsi perniagaan. -- BERNAMA  
MSL LPS OS